

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

HMP 304 Sejarah Perkembangan Bahasa Malaysia

Masa: [3 jam]

---

Kertas Peperiksaan ini mengandungi TUJUH (7) soalan dalam DUA (2) muka surat.

Jawab LIMA (5) soalan.

- Tulis nombor 1 hingga 7 secara berurutan di muka hadapan kertas jawapan sama ada soalan tersebut dijawab atau tidak.
  - Seboleh-bolehnya jawapan berurutan daripada nombor yang rendah ke nombor yang tinggi.
  - Hujah mestilah ringkas, tepat dan analitikal.
  - Di samping isi, aspek bahasa juga diambil kira.
  - Semua soalan membawa nilai markah yang sama.
- 
1. J.H.C. Kern (ahli filologi) mendapati bahawa di wilayah Nusantara ini terdapat beberapa perkataan yang bunyinya sama atau hampir sama mengandungi makna yang serupa terutama nama tumbuh-tumbuhan, haiwan dan nama perahu. Apakah kesimpulan yang anda perolehi daripada kajian J.H.C. Kern ini?
  2. Bukti sejarah awal tentang adanya bahasa Melayu terlihat pada Batu Bersurat Kedukan Bukit, Talang Tuwo, Kota Kapur dan Karang Brahi. Daripada bentuk tulisan dan transliterasinya bincangkan kedudukan bahasa Melayu pada waktu itu.
  3. Mengapakah huruf Rencong dan huruf Arab tidak mampu mendukung pemikiran bangsa Melayu sehingga perlu dicipta tulisan Jawi dan kemudian pula diubah kepada tulisan Rumi?

4. Perhatikan petikan daripada Hikayat Cekel Waneng Pati yang berikut ini.

"Bahwa ini cerita orang dahulu kala daripada bahasa Melayu dan Jawa, diceritakan oleh dalang dan bujangga yang parama kawi di tanah Jawa, dipindahkan dengan bahasa Melayu, maka akan jadi penghibur rasa yang dendam dilelakonkan".

Beri ulasan tentang petikan di atas.

5. Sila susun dan ubahsuai semula struktur dan perkataan yang dipetik daripada Hikayat Raja Pasai yang berikut ini.

"Alkisah peri mengatakan cerita raja yang pertama masuk agama Islam ini Pasai; maka adalah diceritakan oleh orang yang empunya cerita ini, negeri yang di bawah angin ini, Pasailah yang pertama membawa iman akan Allah dan akan Rasulullah".

Berdasarkan petikan ini juga, sila bincangkan sejarah perkembangan bahasa Melayu.

6. Mengapakah dikatakan penyaduran dan penerjemahan bahasa asing ke dalam bahasa Melayu akan menguntungkan bahasa Melayu? Bincangkan.

7. Tulisan Rencong dianggap tulisan Melayu yang tertua, jauh lebih awal daripada tulisan Jawi. Namun, melihat transliterasi yang diperlihatkan pada petikan di bawah ini bahasa yang digunakan ialah bahasa Melayu moden. Mengapa berlaku demikian? Huraikan.

= ۷ - ۱ ۷ ۷ ۳ - ۷ . + / - ۷ ۲ !

sakit kaki ditikam tunggal

= ۷ ۲ / ۷ ۷ ۲ / ۳ - = ۷ / ۷ +

tunggal kecil di tengah rumah

= ۷ - ۱ ۴ - + +, ~ = ۷ ۲ /

sakit hati memandang sangkul

= ۷ ۲ / ۷ ۷ ۲ / ۱ / ۷ = ۷ =

sangkul kecil berisi bunga